

Pusat Minda Lestari UMS ceriakan Penghuni Rumah Kanak-Kanak Kota Kinabalu

NST So. 02.10.2019

KOTA KINABALU: Program Khidmat Masyarakat "PML Share and Care" yang dianjurkan Pusat Minda Lestari (PML), Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini, memberikan sinar kegembiraan buat penghuni Rumah Kanak-Kanak Kota Kinabalu (RKKK), Beringgis Papar.

Menurut Pengarah PML, Aidah Noordin, program tersebut diadakan bagi melahirkan sikap cakna warga PML terhadap komuniti dengan mendekatkan diri bersama masyarakat di luar.

"Objektif utama program adalah mewujudkan rasa kasih sayang, kekitaan dan kerja berpasukan dalam kalangan kakitangan PML dengan warga RKKK selain menjalinkan kerjasama dengan pengurusan RKKK dalam menyediakan keperluan serta memberi kegembiraan kepada penghuni di situ khususnya kanak-kanak dari umur 1 tahun hingga 13 tahun.

"Antara pengisian program khidmat masyarakat ini adalah perkongsian kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) untuk kanak-kanak Taska dan Tadika secara berkesan kepada pendidik di RKKK, mengemas kini rak Alat Bantu Mengajar (ABM) serta menyumbangkan ABM yang dibuat sendiri oleh kakitangan PML, menambah baik ruang bacaan untuk kanak-kanak Taska dan Tadika, memasang papan tanda RKKK, membaiki tangga Teratak RKKK serta bergotong-royong menyediakan jamuan untuk semua penghuni di RKKK," katanya.

Aidah menambah, bagi memberi kegembiraan kepada penghuni kanak-kanak berkenaan, PML juga mengadakan Sambutan Hari Ulang Tahun Kelahiran bagi semua kanak-kanak



SUMBANGAN ... Aidah (lima dari kiri) menyampaikan sumbangan keperluan kepada Suparidah

yang berada di RKKK.

"Suasana riang dan gembira jelas terpancar melalui riak muka kanak-kanak yang diraikan, lebih-lebih lagi kanak-kanak dihiburkan dengan kehadiran maskot Barci dari Nandos yang turut serta memeriahkan majlis di samping mereka dapat merasa juadah makanan dan minuman yang disumbangkan oleh McDonald's," kata Aidah.

Aidah turut menjelaskan, pihak PML UMS merasa amat bertuah kerana program ini mendapat sumbangan daripada ibu bapa dan penjaga kanak-kanak PML serta kakitangan UMS yang lain, yang di antaranya telah menyumbangkan pakaian kanak-kanak, buku dan alat tulis, alat permainan, bahan makanan dan keperluan lain.

"Diharapkan pelaksanaan program ini dapat memberi manfaat kepada kanak-kanak RKKK dan dapat merasakan masih ada yang menyayangi diri mereka," ujar Aidah.

Dalam pada itu, Pengetua RKKK, Suparidah Raidin ketika berucap pada acara tersebut sangat mengalung-alukan program khidmat masyarakat seumpama ini.

"Saya percaya program sebegini akan memberi impak yang sangat besar kepada RKKK dan pastinya akan meninggalkan kenangan yang indah kepada kanak-kanak RKKK," katanya.

Turut hadir dalam program tersebut Penolong Pendaftar Kanan PML, Faddili Kasin, para Penyelia, Pembantu Pengurusan Murid, Pembantu Penyediaan Makanan dan kakitangan pentadbiran PML.